



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
Bandar Baru Tunjong,
16010 Kota Bharu, Kelantan.

Tel : 09-741 8000
Faks : 09-748 2554
Laman Web : jpnkelantan.moe.gov.my

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : JPNKN.600-3/5/2 Jld.2 (73)
Tarikh : 21 April 2024

Puan Norhana Hamim
Pengarah Jabatan Program
Petrosains, The Discovery Centre
Petronas Twin Towers
50088 Kuala Lumpur

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PELIBATAN MURID BAGI PROGRAM PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2024 ANJURAN PETROSAINS SDN.BHD

Dengan segala hormatnya, saya ingin merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan bertarikh **15 April 2024** adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan telah menerima dan meneliti permohonan daripada pihak tuan. Pihak kami mengalu-alukan insiatif agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti sukan/kokurikulum di negeri ini.

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tiada halangan** bagi melaksanakan aktiviti kokurikulum dengan penglibatan sekolah-sekolah di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan. Surat maklum balas ini perlu dibaca Bersama surat Pekelingiling Iktisas KPM Bil.5/2016 dan Bil.5/2018 serta surat siaran bertarikh 29 April 2022 rujukan KPM. 100-1/7/1 Jld.2 (23). Berikut maklumat yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut :

- 3.1 Aktiviti boleh dijalankan dengan penglibatan guru / murid secara bersemuka di Pejabat Pendidikan Daerah / Sekolah / Premis yang dipohon sahaja atau secara dalam talian.
- 3.2 Mestilah mendapat kebenaran bertulis dari Pengetua / Guru Besar sekolah berkenaan.
- 3.3 Surat kebenaran ini tidak boleh digunakan untuk tujuan mendapatkan sumbangan dan tajaan dari mana - mana pihak.
- 3.4 Penyertaan guru dan murid tidak akan menjasaskan proses pengajaran dan pembelajaran / Program / Aktiviti di sekolah.
- 3.5 Kebenaran ini adalah untuk program/pertandingan secara bersemuka/dalam talian yang telah mendapat kebenaran Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian Kementerian Pendidikan Malaysia (Peringkat Kebangsaan) sahaja.
- 3.6 Penyertaan adalah secara sukarela tanpa sebarang unsur paksaan.
- 3.7 Segala perbelanjaan ditanggung sepenuhnya oleh pihak penganjur.
- 3.8 Tiada implikasi kewangan kepada KPM, JPN, PPD, sekolah, guru dan murid berkenaan.

JPNKN.600-3/5/2 Jld.2 (73)

- 3.9 Murid-murid yang terlibat mestilah mendapat kebenaran bertulis dari ibu/bapa atau waris/penjaga.
- 3.10 Bagi tujuan pengiktirafan program, pihak penganjur perlu mengemukakan **satu salinan laporan program (Lampiran A)** yang telah dijalankan kepada **Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan** tidak lebih 30 hari selepas tamat program.
- 3.11 Sila patuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta Garis panduan Pengoperasian Sekolah Oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dari semasa ke semasa bagi membendung penularan Virus Covid-19
- 3.12 Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuruan akan memberi kesan kepada permohonan pada masa akan datang.

4. KPM sentiasa Melindungi Masa Instruksional (MMI) iaitu masa Pengajaran dan Pembelajaran(PdP) murid. Oleh itu, kami mencadangkan supaya aktiviti – aktiviti ini mesti diadakan di luar waktu PdP.


5. Kelulusan ini hanya untuk program Petrosains RBTX Challenge 2024 dan akan tamat pada **27 Oktober 2024**. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, tuan boleh berhubung dengan En. Zairul Anuar Bin Che Mahmud di talian **013-9823400** atau e-mel **anuar.mahmud@moe.gov.my**, Penolong Pengarah, **Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid**.

Kerjasama dan perhatian tuan dalam perkara ini amat dihargai.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(KAMAL RUZAMAN BIN HASAN)
Ketua Penolong Pengarah (HEM)
Menanggung kerja Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembangunan Murid
b.p Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

s.k.: Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

LAMPIRAN A

LAPORAN
(NAMA AKTIVITI)

133.0 Nama Program/Aktiviti

134.0 Tarikh Pelaksanaan

135.0 Mod Pelaksanaan

136.0 Penyertaan (Jantina/Bangsa) (Boleh dilampirkan)

BIL	SEKOLAH	PPD	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
			L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LL	MURID	GURU
1										
2										
3										
4										
5										
JUMLAH										

137.0 Penyertaan & Pencapaian Individu Murid (Boleh dilampirkan)

BIL	NAMA MURID	SEKOLAH	PPD	NO. K/P	KATEGORI (Jika Ada)	PENCAPAIAN (Jika Ada)
1						
2						
3						
4						
5						

138.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti

139.0 Peruntukan/Perbelanjaan Yang Diturunkan (*Jika Berkaitan)

140.0 Tetamu Kehormat (VIP) (*Jika Berkaitan)

141.0 Pemenang (*Jika Berkaitan)

142.0 Isu dan Cabaran

143.0 Cadangan Penambahbaikan

144.0 Gambar

Disediakan oleh:

Tarikh:

CONTOH

CONTOH SURAT SETUJU TERIMA

Rujukan Tuan.:
Rujukan Kami:
Tarikh:

Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
Bandar Baru Tunjong,
16010 Kota Bharu,
Kelantan.
(U/P: UPBM, Sektor Pembangunan Murid))

Tuan,

SURAT SETUJU TERIMA KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PENGLIBATAN MURID DALAM _____

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan (JPNK) bernombor rujukan: _____ bertarikh _____ adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pihak (nama agensi penganjur) _____ mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan/menaja program yang dimohon berdasarkan terma dan syarat pelaksanaan/tajaan program/ aktiviti kurikulum seperti yang dinyatakan pada para 4.1 hingga 4.14 dalam surat Maklum Balas Penganjuran Program dan Penglibatan Murid dalam (nama program) _____ mulai _____ hingga _____.

3. Pihak (nama agensi penganjur) _____ akan mengemukakan satu salinan laporan program yang dijalankan kepada JPNK tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program bagi tujuan pengiktirafan program.

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi (nama pegawai)_____ di talian (no.telefon bimbit)_____ atau e-mel _____. Perhatian dan kerjasama pihak tuan dalam perkara ini adalah amat dihargai

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(Nama)
Jawatan

LAMPIRAN 1

CARTA ALIR PERMOHONAN PROGRAM PERINGKAT NEGERI



**BILANGAN PENYERTAAN BAGI PENGIFTIRAFAN PROGRAM PERINGKAT
DAERAH, NEGERI, KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA**

BIL	PERINGKAT	PENYERTAAN	PERATUS PENYERTAAN (MURID)
1	Antarabangsa	Sekurang-kurangnya 3 negara termasuk Malaysia	Sekurang-kurangnya 25% penyertaan selain Malaysia
2	Kebangsaan	Sekurang-kurangnya 3 negeri termasuk negeri penganjur	Sekurang-kurangnya 25% penyertaan selain negeri penganjur
3	Negeri	Sekurang-kurangnya 4 daerah termasuk daerah penganjur	Sekurang-kurangnya 25% penyertaan selain daerah penganjur
4	Daerah	Sekurang-kurangnya 5 sekolah termasuk sekolah penganjur	Sekurang-kurangnya 25% penyertaan selain sekolah penganjur